

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1987/88

STP 362 - Kesihatan dan Pemakanan

Tarikh : 13 April 1988

Masa : 2.15 ptg - 5.15 ptg
[3 jam]

Pilih dan jawab EMPAT soalan sahaja. Semua soalan MESTI dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. Djukanovic dan Mach di dalam membincangkan perkembangan dasar kesihatan mengatakan yang 'strategi yang digunakan di negara sedang membangun adalah berdasarkan model negara-negara perindustrian, tetapi sebagai satu strategi ianya telah gagal'. Bincangkan kenyataan ini dari segi pembentukan dasar kesihatan di negara sedang membangun.
[25 markah]
2. Bincangkan keburukan dan kebaikan ukuran kuantitatif di dalam menjelaskan kedudukan kesihatan sesebuah negara. Sila gunakan contoh di dalam jawapan anda.
[25 markah]
3. Pilih satu isu kesihatan komuniti, dengan menggunakan contoh bandingkan ketiga-tiga pendekatan perancangan kesihatan di dalam menjelaskan isu yang dipilih itu.
[25 markah]
4. 'Penyakit utama negara-negara sedang membangun ialah kemiskinan'; dengan melihat masalah mal pemakanan bincangkan hubungan kemiskinan dan penyakit dengan krisis makanan dunia.
[25 markah]
5. [a] Berikan definisi makanan, mal pemakanan, taraf pemakanan, zat makanan dan kesihatan.
[5 markah]
[b] Bincangkan faktor-faktor ekologi yang mempengaruhi mal pemakanan.
[20 markah]

...2/-

6. 'Peranan wanita di dalam masyarakat sering berkait dengan kejadian dan kesan penyakit.' Bincangkan kenyataan ini melalui salah satu penjelasan feminis. Gunakan contoh di dalam jawapan anda.

[25 markah]

7. [a] Apakah kebaikan dan keburukan pendekatan kumpulan (team approach) di dalam membantu pesakit yang menghadapi sakit berat.

[10 markah]

[b] Dengan menggunakan contoh jelaskan bagaimana pekerja sosial perubatan dapat menunjukkan keberkesanannya di dalam membantu pesakit tersebut (yang menghadapi sakit berat).

[15 markah]

- oooOooo -